

# Dua sahabat tak mengaku salah tuduhan cederakan seorang lelaki

**MIRI:** Dua sahabat masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret semalam atas tuduhan mencederakan seorang lelaki lain.

Lui Chee Chung, 44, dan Jacky Au Thien Chee, 28, telah didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara setahun atau denda RM2,000 atau

kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, kedua-dua tertuduh telah didakwa dengan sengaja mencederakan Thian Fong Chun, 25.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 5 pagi, 26 Oktober lalu di sebuah pusat hiburan di sini.

Terdahulu, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman memohon ditetapkan satu tarikh ba-

haru untuk pengurusan kes memandangkan kedua-dua tertuduh telah mengaku tidak bersalah.

Majistret Sandy Yvette Freddy membenarkan permohonan itu dan menetapkan 15 Disember depan untuk pengurusan kes.

Manakala kedua-dua tertuduh diperintahkan dibebas dengan jaminan masing-masing RM2,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.